
Refleksi Gastronomi Dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif

JULAINA NOPIAH
NOR HASHIMAH JALALUDDIN
JUNAINI KASDAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Gastronomi ialah pengkajian berkaitan dengan makanan dan amalan pemakanan yang baik (*good eating*). Makanan bukan sahaja penting untuk hidup, tetapi turut mempunyai pengaruh dalam menyampaikan mesej melalui komunikasi. Dalam konteks budaya Melayu, elemen yang terdapat dalam gastronomi mempunyai pengaruh secara tidak langsung dalam komunikasi, khususnya komunikasi secara tersirat. Hal ini jelas dapat dilihat dalam peribahasa Melayu. Tumpuan analisis ini adalah peribahasa yang menunjukkan pengaruh makanan yang berunsur sejuk dan panas. Contohnya, pisang mewakili makanan berunsur sejuk, dan daging yang mewakili makanan berunsur panas. Data peribahasa Melayu dikumpulkan daripada pangkalan data (www.malaycivilization.com) UKM dan 'Kamus Istimewa Peribahasa Melayu'. Kajian ini menerapkan pendekatan rangka rujuk silang (RRS) dan semantik inkuisitif dalam penganalisan data. Data yang diperoleh diperkukuh dengan hasil janaan data korpus yang menunjukkan persamaan antara konsep dan ciri-ciri yang dibawa oleh makanan yang berunsur sejuk-panas dengan emosi penuturnya. Hasil kajian mendapati peribahasa berkaitan makanan berunsur sejuk menunjukkan ciri-ciri 'sejuk' melalui emosi gembira, bahagia dan senang hati. Manakala makanan berunsur panas pula didapati memaparkan ciri-ciri 'panas' yang ditunjukkan melalui sifat negatif, seperti 'zalim', 'berpura-pura' dan 'kesakitan' yang menjadi makna implisitnya. Secara tidak langsung, konsep dan ciri-ciri yang terdapat dalam makanan telah diserap dan diadaptasi dalam bentuk komunikasi implisit. Gabungan data, teori, falsafah dan budaya telah dapat menghasilkan huraian makna dalam peribahasa Melayu, yang akhirnya mencerminkan akal budi penuturnya, khususnya berkaitan gastronomi Melayu.

Kata Kunci: *Gastronomi, komunikasi implisit, peribahasa, semantik inkuisitif, akal budi.*

The Reflection of Gastronomy in Communications: An Inquisitive Semantic Analysis

ABSTRACT

Gastronomy is a study about food and good eating habits. Food is not only essential to life, but it also plays a significant role in delivering a message through communication. In the context of Malay culture, the elements embodied in gastronomy have an indirect influence on communication, particularly implicit communication. This is evidently observable in Malay proverbs. This study focuses on Malay proverbs representing food that has the attributes of 'hot and cold' elements. For example, a banana is categorized as food with cold element, meanwhile meat is considered as food with hot element. Data on Malay proverbs are collected from UKM database (www.malaycivilization.com) and 'Kamus Istimewa Peribahasa Melayu'. The analysis is couched in bridging cross-reference and inquisitive semantic approaches. The given data are further supported with corpus data demonstrating the similarity between the concepts and characteristics of food with cold-hot elements and the speakers' emotions. The findings showed that Malay proverbs containing

food with cold elements demonstrated 'cool' characteristics through joyful, blissful and delightful emotions. While food with hot elements demonstrate 'hot' characteristics through negative emotions such as 'tyranny', 'pretence' and 'pain' which denote its implicit meaning. It is apparent that the concepts and features represented in food have been absorbed and adapted in the form of implicit communication. The combination of data, theory, philosophy and culture has successfully captured the description of the meanings of Malay proverbs, which ultimately reflects the mind of the speakers, especially in relation to Malay gastronomy.

Keywords: *Gastronomy, implicit communications, proverbs, inquisitive semantic, mind.*

PENDAHULUAN

Manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai makhluk berkomunikasi dengan pelbagai cara. Komunikasi bukan sahaja dipandang sebagai mekanisme hubungan antara manusia tetapi juga berperanan dalam aspek kehidupan dari segi politik, ekonomi dan budaya. Menurut Sperber dan Wilson (1995), dalam komunikasi, aspek yang cuba disampaikan boleh berbentuk pemikiran, idea, kepercayaan, sikap dan juga emosi. Dalam hal ini manusia tidak terkecuali daripada menyentuh aspek bahasa. Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2016) mengatakan bahawa salah satu disiplin yang turut membincangkan hubungan antara komunikasi dan kognisi ialah ilmu linguistik. Penyisipan bahasa kiasan dalam komunikasi orang Melayu menjadikan bahasa itu hidup dan lebih menarik untuk didengari dan dipelajari kerana bahasa menjadi wahana untuk membawa nilai Melayu merentasi waktu dari generasi ke generasi (Abdullah Hussain, 2003). Dalam memberikan tunjuk ajar kepada pewaris agar mengamalkan budaya bersopan santun, masyarakat Melayu cenderung untuk menggunakan bahasa tersirat dengan tujuan menjaga air muka lawan bicaranya atau agar tidak terlihat lebih pandai daripada orang lain. Antara wahana yang diguna pakai ialah peribahasa, pantun, gurindam, seloka dan bidalan, yang masih segar sehingga hari ini. Dalam bidang kewartawanan dan kepengacaraan misalnya, peribahasa adalah salah satu gaya berbahasa yang boleh diamalkan. Komunikasi yang implisit sifatnya ini memaparkan kesantunan dan kebijaksanaan penulis mengolah dalam mengolah skripnya.

Pemikiran Melayu lazimnya disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011), dan hubung kait antara pemikiran dengan bahasa adalah melalui lambang bahasa yang dapat merakamkan fikiran dan pengalaman seseorang (Asmah, 1986; 1996). Menurut Mana Sikana (1988) pula, pemikiran ialah peristiwa yang tersurat dan tersirat daripada peristiwa yang hendak disampaikan. Berdasarkan pernyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa pemikiran seseorang dapat diselami melalui penggunaan bahasanya. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah (2003) yang mengatakan bahawa melalui komunikasi, sikap dan pemikiran seseorang itu dapat diketahui. Masyarakat Melayu dahulu banyak menggunakan sumber-sumber alam untuk menyatakan rasa dan sebagai perlambangan yang merujuk kepada ciri-ciri persamaan dengan sifat-sifat manusia. Menurut Tenas Effendy (2012), dunia Melayu mengenal ungkapan '*alam terkembang dijadikan guru*' yang mencerminkan eratnya hubungan manusia dengan alam sekeliling. Satu daripada bentuk komunikasi implisit masyarakat Melayu boleh dilihat daripada cara mereka mengolah peribahasa dalam menyampaikan sesuatu mesej. Walaupun peribahasa disampaikan dalam bentuk tersirat, namun masih boleh difahami oleh pendengar. Ciri-ciri atau konsep yang terdapat dalam objek peribahasa banyak mempengaruhi maksud harfiah peribahasa. Objek yang menjadi intipati dalam peribahasa bukanlah bersifat kosong, sebaliknya mengandungi falsafah yang tersendiri, seandainya diamati dengan teliti.

Peribahasa, Komunikasi dan Gastronomi

Peribahasa merupakan satu daripada elemen penting dalam mengungkapkan pemikiran dan akal budi orang Melayu semasa berkomunikasi. Akal budi bermaksud kebijaksanaan terhadap sesuatu yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan untuk tujuan kebaikan (Junaini, 2017). Penggunaan peribahasa sejak sekian lama terhasil daripada pengamatan yang tinggi masyarakat dahulu terhadap kejadian alam sekeliling, tingkah laku, norma hidup, adat dan budaya. Oleh itu, peribahasa Melayu dapat dikatakan sebagai cerminan kehalusan budi, ketinggian ilmu serta pemikiran masyarakat Melayu dahulu ketika berbahasa (Hasmidar & Jafizah, 2016). Peribahasa diungkapkan menerusi bahasa yang menarik dan setiap ungkapan yang dicipta disusun serta disesuaikan dengan pengungkapan pemikiran melalui maknanya yang tersirat. Justeru, menerusi ungkapan peribahasa itu sendiri, penutur bahasa Melayu berjaya mengungkapkan falsafah yang mendalam tentang aspek-aspek ketamadunan, pemikiran, etos dan moral bangsa Melayu sejak sekian lama (Abdul Samad, 1989).

Gastronomi pula merupakan satu kajian tentang hubungan antara budaya dan makanan (Csoban & Konyves, 2015). Takrifan terhadap gastronomi sering disalahertikan sebagai pengkajian yang merujuk secara eksklusif kepada seni memasak. Hakikatnya, pengkajian terhadap seni memasak hanya merupakan sebahagian kecil daripada disiplin ini. Kajian gastronomi merangkumi pelbagai komponen budaya yang menjadikan makanan sebagai paksi penelitian. Gastronomi turut didefinisikan sebagai satu pengiktirafan terhadap pelbagai faktor yang relevan tentang makanan dan minuman yang diambil oleh sebuah kelompok masyarakat, dalam satu kawasan setempat, sebuah wilayah atau sebuah bangsa itu sendiri (Santich, 2004).

Penelusuran terhadap kajian lalu mendapati bahawa pengkajian peribahasa dan pemakanan dapat dikelompokkan kepada tiga kategori, iaitu kategori kajian dasar, kajian kognitif, serta kajian kognitif dan akal budi. Secara umumnya kajian tentang makanan dan peribahasa memang tidak pernah dilakukan. Zabedah (2016), Shaykh Hakim (1996) dan Che Wan Jasminah (2000) pernah menulis mengenai unsur pemakanan, kesihatan dan pemakanan tetapi tidak mengaitkan dengan peribahasa. Maka kajian ini cuba meneroka hubungan antara pemakanan dan peribahasa. Manakala kajian yang dikategorikan sebagai kajian dasar peribahasa ialah kajian Abdullah Hassan (1993), Indirawati (1997), Nathesan (1998), Ahmad Sarji (2005) dan Salinah (2005). Kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji ini boleh dikatakan sebagai kajian dasar kerana kesemua kajian hanya melihat makna harfiah peribahasa semata-mata. Kesan perkembangan bahasa menyebabkan pengkaji mula membuat perbezaan dalam ruang penelitian kajian yang berkisarkan bahasa. Kajian dalam kategori ini dilihat telah menerapkan elemen pemikiran atau kognisi dalam penelitian mereka. Antara pengkaji yang tergolong dalam kumpulan kajian kognisi ini ialah Mohamad Radzi (1999), Imran Ho (2000), Charteris Black (2000), Asmah (2005), Goddard (2009), Rogayah (2011), Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011).

Berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini hanya melihat makna peribahasa secara harfiah dan kajian yang mengaitkan peribahasa dengan pemikiran semata-mata, fokus penelitian Hassan Ahmad (2003), Lim (2002) dan Nor Hashimah (2014) dilihat telah membuat inovasi kepada kajian terdahulu dengan menggabungkan konsep akal budi dalam kajian mereka. Kejayaan Hassan Ahmad (2003) menjelaskan 'kaki' yang digunakan dalam metafora Melayu sebagai simbol kekuatan menunjukkan kajian pada peringkat ini lebih baik berbanding kajian pada peringkat kognitif, seperti yang dilakukan oleh Charteris-Black

(2000) yang gagal memberi sebab elemen 'kaki' dipilih dan bukan 'tangan' bagi menggambarkan 'tabiat' dalam kognitif Melayu. Kegagalan ini menunjukkan bahawa semantik kognitif juga gagal mencapai tafsiran makna tahap tertinggi sehingga membawa kepada tafsiran akal budi Melayu. Ekoran daripada kelompangan ini, Nor Hashimah (2014) telah memperkenalkan satu lagi tahap dalam penghuraian makna dalam bidang semantik, iaitu melalui pendekatan inkuisitif yang berjaya menjawab setiap persoalan yang wujud serta mampu menerobos sehingga ke peringkat falsafah dan akal budi.

Penggunaan peribahasa telah menjadi budaya orang Melayu secara turun-temurun. Orang Melayu akan menyampaikan mesej dengan gaya yang paling sopan dengan berselindung di sebalik tutur kata yang manis, biarpun yang hendak dikatakan itu tidak menyenangkan (Nor Hashimah, 1991). Dalam komunikasi, mengikut prinsip Teori Relevans, peribahasa memerlukan kos memproses yang tinggi. Pendengar perlu menyingkap makna eksplisit, seterusnya menyelongkar makna implisit bagi menterjemahkannya untuk mencari makna sebenar yang dimaksudkan oleh penutur. Kos memproses yang tinggi ini memaksa penutur meramalkan darjah ketinggian konteks pendengarnya. Kegagalan berkongsi konteks yang sama menyukarkan kefahaman pendengar dan kesannya komunikasi akan tergendala. Dalam komunikasi lisan, didapati terdapat dua jenis makna, iaitu makna eksplisit dan makna implisit. Komunikasi dengan makna implisit lebih sukar difahami kerana adanya unsur tersirat. Hakikatnya, walaupun masyarakat Melayu menggunakan bahasa yang implisit, namun mereka masih boleh berkomunikasi dengan lancar kerana perkongsian konteks yang tinggi antara penutur dan pendengar.

Kajian ini memberikan tumpuan khusus terhadap cara masyarakat Melayu mengkomunikasikan objek makanan, sebagai unsur gastronomi, melalui peribahasa untuk memperlihatkan hubungan bahasa dan objek pemakanan, sekali gus bertujuan mencungkil falsafah dan akal budi Melayu yang terkandung di dalamnya. Penerokaan unsur pemakanan dalam peribahasa ini juga bertujuan mendedahkan penutur bahasa Melayu dengan kebijaksanaan orang Melayu dahulu berkomunikasi meskipun dengan makna implisit. Dua unsur makanan yang diberikan tumpuan dalam kajian ini ialah sejuk dan panas. Kajian ini juga bertujuan menganalisis dan menghuraikan hubungan objek (unsur pemakanan masyarakat Melayu) dan makna peribahasa berasaskan pendekatan semantik inkuisitif. Bagaimana orang Melayu menganalogikan objek makanan dengan ciri-ciri emosi masyarakat penuturnya? Gabungan data, teori, kognisi dan falsafah serta akal budi penuturnya yang menjadi landasan semantik inkuisitif, menyebabkan pendekatan ini mampu menjelaskan metafora Melayu melalui kajian peribahasa. Kejayaan pendekatan semantik inkuisitif dalam mengetengahkan kebijaksanaan orang Melayu melalui ketersiratan makna, membuktikan pendekatan ini cukup ampuh dalam meneroka makna pada peringkat tertinggi. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu melancarkan komunikasi antara penutur dan pendengar kerana mesej yang hendak disampaikan dapat difahami dengan baik.


METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif yang melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil dari pangkalan data *Malaycivilization* UKM dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1975). Contoh peribahasa yang mengandungi unsur gastronomi Melayu adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Peribahasa yang mengandungi unsur gastronomi Melayu

Peribahasa	Maksud
Beruk berjumpa pisang masak. Dapat pisang terkupas.	Orang tamak yang memperoleh keuntungan dengan mudah. Suatu hal yang dicita-cita dan menjadi keinginan; Seseorang yang boleh keuntungan dengan tiada bersusah payah.
Bagai melihat asam.	Ingin sekali
Di luar bagai madu, di dalam bagai empedu.	Lahirnya baik, batinnya jahat.
Anak harimau diajar makan daging. Tebu seruas berulat pula.	Orang yang zalim diberi perangsang untuk membuat aniaya. Anak hanya seorang, buruk pula perangnya.
Lonjak sebagai labu dibenam.	Sombong, angkuh
Rebung tidak jauh dari rumpun.	Tabiat anak tak akan jauh dari rumpun.
Takkan cempedak berbau nangka.	Hendaklah diselidiki sesuatu perkara itu dengan saksama lebih dahulu sebelum mempercayai percakapan orang.
Sudah banyak makan asam garam	Banyak pengalaman.

Berdasarkan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (1975) dan laman sesawang *malaycivilization.ukm.my*, sebanyak 600 peribahasa yang mengandungi makanan sebagai objek perlambangan berjaya dikumpulkan. Daripada jumlah tersebut, hampir 500 daripadanya boleh diklasifikasikan mengikut unsur dalam makanan Melayu, iaitu sejuk, panas, berangin, tajam, bisa dan gatal. Maklumat ini dapat dijelaskan melalui Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1: Peratus peribahasa mengikut unsur makanan

Berdasarkan Rajah 1, ditunjukkan bahawa sebanyak 187 peribahasa (38.0%) mengandungi objek makanan berunsur panas, 107 (21.0%) peribahasa mengandungi objek makanan berunsur sejuk, dan sebanyak 88 (18.0%) peribahasa mengandungi makanan berunsur angin sebagai perlambangan. Selain makanan berunsur panas, sejuk dan berangin, daripada Rajah 1 juga dapat dilihat bahawa terdapat 61 (12.0%) peribahasa yang dikenal pasti mengandungi objek makanan berunsur tajam, 40 (8.0%) peribahasa berobjek makanan berunsur gatal, dan selebihnya, iaitu 16 (3.0%) peribahasa dikenal pasti

mengandung objek makanan yang berunsur bisa. Bagi tujuan perbincangan, hanya dua unsur, iaitu unsur sejuk dan panas yang akan dikemukakan melalui penulisan ini. Bagi tiap-tiap unsur yang dibincangkan, hanya satu peribahasa yang akan dicontohkan bagi tujuan penganalisisan. Dalam hal ini, penulis memanfaatkan pendekatan semantik inskuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan. Semantik inskuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya (Nor Hashimah, 2014). Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) dalam Teori Relevans. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Di samping itu, data sokongan kajian yang digunakan ialah data korpus yang dijana dari Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*.

PENGARUH GASTRONOMI MELAYU DALAM KOMUNIKASI IMPLISIT

Penggunaan peribahasa dalam komunikasi memerlukan kognitif aras tinggi untuk memahaminya (Nor Hashimah, 2014). Justeru, kehebatan budaya pemikiran masyarakat Melayu dapat dilihat daripada pertalian antara objek, falsafah dan akal budi yang digarap dalam peribahasa yang dicipta. Hubungan antara pemikiran masyarakat dan kekreatifan bahasa itu ditonjolkan dengan jelas dalam bahasa kiasan ini. Ruangan ini akan membincangkan cara gastronomi Melayu mempengaruhi komunikasi implisit dalam masyarakat Melayu. Perbincangan ini akan menyentuh pengaruh unsur makanan sejuk dan panas berlandaskan korpus dan semantik inskuisitif. Secara umumnya, data korpus bermaksud himpunan teks daripada pelbagai genre yang digunakan untuk meneliti pelbagai aspek kebahasaan dalam menghuraikan fenomena sebenar penggunaan sesuatu bahasa (Hishamuddin et al., 2014). Data korpus mengandungi himpunan teks tulisan secara digital yang terdiri daripada akhbar, buku umum, buku teks sekolah, buku terjemahan, majalah, kertas kerja dan teks sastera moden serta tradisional. Bagi memudahkan perbincangan, perlu dijelaskan terlebih dahulu bahawa objek dalam kajian ini merujuk kepada elemen yang menjadi inti pati dalam peribahasa, seperti pisang dan daging. Imej pula merujuk kepada gambaran yang mewakili objek yang diperoleh daripada makna harfiah dalam peribahasa. Sebagai contoh, pisang dalam peribahasa menggambarkan kebahagiaan melalui 'keuntungan' dan 'emosi gembira'. Kebahagiaan yang menjadi mesej utama dalam komunikasi tersirat melalui objek 'pisang' ini diperlihatkan melalui unsur 'sejuk' yang menjadi ciri-ciri semula jadi buah pisang. Unsur sejuk yang cenderung merangsang rasa sihat pastinya akan menyebabkan seseorang berasa gembira atau seronok. Rantainya inilah sebenarnya yang ingin dikomunikasikan oleh penutur kepada pendengar, namun kerana ingin menjaga hati dan perasaan lawan bicara, maka peribahasa dimunculkan.

Pisang Refleksi 'Kebahagiaan' dalam Komunikasi Implisit

Dalam kitab perubatan kesufian, makanan yang sejuk dikatakan memberi kesan merendahkan metabolisme. Bagi ilmu perubatan Cina pula, makanan sejuk dikatakan boleh mengurangkan unsur panas yang berlebihan dan bertindak sebagai agen penyahtoksik dalam tubuh seseorang (Shaykh Hakim, 1996). Bagi orang Melayu, makanan yang dikategorikan dalam kategori makanan sejuk ialah makanan yang mempunyai ciri-ciri seperti berair, berlendir, bergetah, masam dan menjalar. Makanan seperti timun, pisang, manggis,

tembikai, bacang, bendi, pucuk paku dan kangkung merupakan antara contoh makanan sejuk mengikut perspektif orang Melayu. Berdasarkan data kajian, sebanyak 21.0% makanan dikenal pasti merupakan makanan yang berunsur sejuk. Pisang merupakan antara sumber vitamin yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu. Kebijaksanaan masyarakat Melayu mengaitkan pengetahuan dan pengalaman yang ada membuatkan terciptanya peribahasa berobjekkan pisang. Berdasarkan penemuan, sebanyak 32 (6.4%) peribahasa berasaskan makanan yang diperolehi adalah berobjekkan buah pisang. Jadual 2 memaparkan peribahasa yang mengandungi pisang sebagai objek.

Jadual 2: Peribahasa berobjekkan 'pisang'

Peribahasa	Makna
Dapat pisang terkupas.	Seseorang yang boleh mendapat keuntungan dengan tiada bersusah payah.
Beruk berjumpa pisang masak.	Orang tamak yang memperoleh keuntungan dengan mudah.
Sebagai kera mendapat pisang	Sangat gembira.

Peribahasa seperti 'beruk berjumpa pisang masak', 'dapat pisang terkupas' dan 'sebagai kera mendapat pisang' merupakan contoh data yang ditemui menggunakan pisang sebagai objek dalam peribahasa Melayu. Ketiga-tiga peribahasa yang disenaraikan dalam Jadual 2 merupakan ungkapan yang mengandungi makna implisit yang mengetengahkan ciri-ciri positif dan 'sejuk' dalam elemen maknanya. Masyarakat Melayu pada masa dahulu meluahkan perasaan gembira melalui pisang sebagai objek perlambangan. Pengaruh unsur 'sejuk' dalam buah pisang telah dijemakan dalam bentuk komunikasi implisit bagi menggambarkan situasi tertentu. Ketiga-tiga peribahasa, iaitu 'dapat pisang terkupas', 'beruk berjumpa pisang masak' dan 'sebagai kera mendapat pisang' menunjukkan ciri-ciri 'sejuk' melalui imej 'keuntungan' dan 'perasaan gembira' yang ditonjolkan dalam domain maknanya. Imej-imej yang menjadi subjek makna peribahasa yang berobjekkan pisang ini, secara tidak langsung menunjukkan pengaruh pisang dalam memotivasikan elemen 'kebahagiaan'. Masyarakat Melayu pada masa lampau mengekspresikan kebahagiaan dalam bentuk komunikasi implisit dengan cara menganalogi pisang sebagai objek perlambangannya.

Pengungkapan peribahasa secara tersurat mempunyai komunikasi tersirat di sebaliknya. Hal ini dapat dilihat melalui contoh peribahasa 'dapat pisang terkupas'. Peribahasa ini mempunyai ketersiratan makna dan menggambarkan falsafah masyarakat Melayu dalam penggunaan sesuatu objek, iaitu mendapat 'keuntungan' dengan cara yang mudah. Keuntungan yang menjadi subjek makna peribahasa ini secara tidak langsung menggambarkan 'kebahagiaan' yang menjadi ciri-ciri utama makna peribahasa yang berobjekkan pisang. Dalam hal ini terdapat beberapa proses kognitif yang memotivasikan sesuatu elemen dalam peribahasa tersebut. Pertama, berdasarkan penggunaan leksikal 'dapat' itu sendiri. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mentakrifkan 'dapat' sebagai 'beroleh, memperoleh atau menerima sesuatu'. Pisang pula merupakan makanan yang menjadi salah satu sumber vitamin dan digemari oleh semua lapisan masyarakat (Zabedah, 2016). Leksikal terkupas dalam peribahasa tersebut pula menggagaskan makna sesuatu yang dianggap mudah tanpa memerlukan sebarang usaha. Oleh itu, dalam konteks peribahasa 'dapat pisang terkupas', secara harfiah menjelaskan bahawa buah pisang yang

mempunyai keenakan tersendiri dan mudah dimakan memberikan gambaran makna 'keuntungan', sementara pisang yang sudah siap terkupas pula menggambarkan sesuatu yang sangat mudah, iaitu pisang dapat terus dimakan tanpa bersusah payah. Justeru, wajarlah apabila masyarakat Melayu mengungkapkannya sebagai 'mendapat pisang terkupas' dengan maksud seseorang yang mendapat sesuatu tanpa bersusah payah dan orang yang mendapatnya pastilah akan berasa gembira. Dalam konteks Teori Relevans, peribahasa tersebut tidak sukar untuk diproses, sekali gus menjadikan peribahasa tersebut mudah untuk dikomunikasikan walaupun dalam bentuk implisit. Leksikal *dapat* telah digagaskan sebagai 'mendapat sesuatu yang diperoleh', *pisang* pula digambarkan sebagai 'keuntungan', manakala leksikal *terkupas* pula digambarkan sebagai sesuatu yang diperoleh secara mudah, tanpa perlu bekerja keras. Hal ini dibuktikan melalui data korpus yang melibatkan buah 'pisang' dalam mempamerkan ciri-ciri sejuk. Ayat (i) dan (ii) yang berikut ialah contoh penggunaan leksikal 'pisang' yang diperoleh daripada data korpus.

- (i) S11Aug37:11 Kita2 ini sebagai budak2 yang berdiri bermain2 di tepi jalan dengan meleleh ingusnya berkehendakkan upahan *****pisang***** daripada mereka, apabila ditegur oleh saudaranya yang menyuruh pulang ke rumah takut digiling (dilecek) motokar.
- (ii) PK 174:9d Melayu mudah untuk digula, kerana Melayu lembut hatinya, sebiji *****pisang***** cukup upahnya.

Data korpus yang dirujuk, menunjukkan contoh pengaruh penggunaan pisang dalam komunikasi secara implisit. Berdasarkan rangka rujuk silang, pisang yang digunakan dalam kedua-dua ayat tersebut dapat dikaitkan dengan cara buah yang berunsur sejuk ini diolah bagi mengekspresikan emosi gembira. Emosi gembira dalam konteks ini ditunjukkan melalui peranan pisang sebagai upah yang berunsur pujukan. Secara umumnya, leksikal 'mudah di gula', 'takut digiling motokar', merupakan premis tambahan kepada kata 'pisang' yang berperanan sebagai objek dalam ayat tersebut. Melalui RRS, pemilihan rujukan yang sesuai membolehkan fungsi implisit 'pisang' yang dihajati dapat diinterpretasikan oleh pendengar. Berdasarkan ayat (i), leksikal pisang telah dirujusilangkan dengan leksikal 'budak-budak' dan 'upahan'. Berdasarkan konteks ayat tersebut, buah pisang berperanan sebagai 'upah' bagi memujuk kanak-kanak yang masih kecil, yang sedang bermain-main di tepi jalan supaya pulang ke rumah. Dalam ayat (ii) pula, leksikal 'pisang' telah dirujuk silang dengan leksikal 'mudah', 'digula', 'upah' serta frasa 'lembut hati'. Seperti halnya ayat (i), pisang dalam konteks ayat (ii) turut berperanan sebagai 'upah' untuk melembutkan hati. Leksikal 'digula' dalam ayat (ii) merujuk sifat dan perwatakan Melayu yang lembut hati, yang menyebabkan Melayu dianggap sebagai masyarakat yang mudah dipergunakan. Berdasarkan RRS yang telah dilakukan 'pisang' dalam konteks kedua-dua ini telah dikonsepsikan sebagai 'pencetus emosi gembira' sehingga berperanan dalam memujuk dan melembutkan hati.

Ketersiratan makna dalam peribahasa bukanlah sekadar menghuraikan proses kognitif yang berlaku, sebaliknya memerlukan ilmu yang lebih jauh dan mendalam agar dapat menelusuri akal budi dan falsafah orang Melayu. Oleh itu, melalui gagasan semantik inkuisitif, persoalan 'kenapa, kenapa dan kenapa' menjadi kaedah yang mampu untuk mendalami akal budi Melayu serta falsafahnya berdasarkan pengaruh 'pisang' dalam masyarakat Melayu sehingga membawa tafsiran 'keuntungan' dan dikaitkan dengan 'kebahagiaan' dalam peribahasa. Berdasarkan peribahasa tersebut, satu persoalan yang

boleh dibangkitkan ialah mengapa *pisang* digunakan sebagai simbol mengekspresi kebahagiaan dalam komunikasi implisit? Apakah perkaitan sifat 'sejuk' yang terdapat dalam buah ini dengan makna teras yang diwakili sebagai objek dalam peribahasa serta berdasarkan penggunaannya yang terdapat dalam data korpus? Dalam menjawab persoalan ini, gagasan semantik inkuisitif diperlukan bagi menghuraikan fenomena yang berkaitan dengan maklumat budaya penutur.

Pisang mengandungi karbohidrat dan air yang tinggi, serta lemak dan protein yang rendah. Apabila dibandingkan dengan buah-buahan yang lain, didapati kandungan kalori dan karbohidrat dalam buah pisang adalah lebih tinggi. Kandungan vitamin C dalam sebiji pisang juga didapati lebih tinggi daripada sebiji epal. Hampir 75% daripada kandungan buah pisang terdiri daripada air, 22% karbohidrat, 1% protein, 0.2% lemak dan 0.8% serat. (Zabedah, 2016). Selain kaya dengan vitamin C, pisang juga mengandungi vitamin B6. Pisang juga merupakan buah yang baik untuk kesihatan jantung kerana jumlah kandungan kaliumnya yang tinggi (400mg/100,) berbanding kandungan natriumnya yang sangat rendah. Kandungan kalium dalam sesuatu makanan penting bagi membolehkannya bertindak sebagai konduktor saraf, sekali gus bertindak sebagai pemangkin dalam enzim badan. Jumlah kalium yang banyak dalam pisang membolehkan pengecutan otot pada jantung dan sistem penghadaman (Che Wan Jasimah, 2000). Kandungan lemak yang rendah dan karbohidrat yang tinggi, menjadikan pisang sesuai dimakan oleh individu yang mengalami masalah obesiti. Dengan serat yang tinggi, buah pisang boleh mengembalikan tindakan usus yang normal serta membantu mengatasi masalah sembelit tanpa memerlukan bahan laksatif.

Pisang juga dapat mengatasi masalah anemia kerana berupaya merangsang penghasilan hemoglobin dalam darah (Norsuraya, 2008). Lembaga Pemakanan dan Perubatan Amerika Syarikat (USFDA) telah membenarkan industri penanaman pisang disebabkan keupayaannya dalam mengurangkan risiko tekanan darah tinggi dan strok. Gabungan pisang dengan makanan lain, seperti madu dan susu turut memberikan kebaikan kepada kesihatan perut. Gabungan pisang dan madu misalnya, boleh menjadi agen pembina semula kandungan gula dan darah yang berkurangan, manakala gabungan pisang dan susu boleh mengembalikan kandungan air dalam badan. Komposisi dan zat-zat yang terkandung dalam buah pisang mampu menjadi penyembuh dan mengawal sakit tertentu. Kesan *antasid* yang terdapat dalam pisang boleh merawat masalah pedih ulu hati (Mindell, 1994). Selain itu, amalan memakan pisang antara waktu makan juga didapati mampu mengawal kadar gula dalam darah serta mengurangkan mabuk dan alahan bagi ibu yang mengandung. Kandungan vitamin B yang terdapat dalam pisang boleh membantu mengawal sistem saraf, manakala kandungan vitamin B6 pula boleh bertindak untuk meneutralkan paras glukosa dalam darah.

Buah pisang juga boleh memberikan tindak balas terhadap emosi seseorang. Kandungan *triptofan*, iaitu sejenis protein yang ditukarkan oleh badan kepada *serotonin* akan memberikan rasa tenang dan memberikan emosi gembira kepada pemakannya (Faszly et al., 2017). Hal ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lama merupakan kelompok masyarakat yang sangat peka dan cerdik dalam pelbagai bidang ilmu. Penilaian masyarakat Melayu pada masa dahulu terhadap kejadian dan keistimewaan telah diterjemahkan dalam peribahasa yang dicipta melalui pengekspresian 'kebahagiaan'.

Ciri-ciri sejuk pisang dapat dilihat melalui fungsinya terhadap aspek kesihatan. Kesihatan yang baik akan merangsang seseorang itu untuk hidup dengan bahagia. Begitulah

yang cuba disampaikan oleh masyarakat Melayu melalui komunikasi implisit. Pisang yang sarat dengan manfaat semula jadi telah direfleksikan sebagai simbol 'kebahagiaan' dalam menyampaikan mesej secara tersirat. Nyatanya, demi memahami bahasa dan penuturnya, kemahiran mencungkil alam lingkungan kehidupan mereka amat diperlukan bagi masyarakat hari ini, dan hal ini tidak terhad kepada bangsa Melayu sahaja. Bagi memastikan komunikasi dapat berjalan lancar, pentafsiran yang seiring dengan budaya sesuatu bangsa sangat penting. Penutur atau pendengar perlu memahami latar masyarakatnya. Dalam hal ini, ciri-ciri emosi dapat disampaikan melalui komunikasi lisan secara implisit, iaitu peribahasa. Hal ini penting dalam dunia kewartawanan, dunia pengacaraan yang melibatkan bahasa. Bahasa bukan bersifat sewenang-wenang tetapi berstruktur dan berfalsafah. Memahami bahasa dengan falsafah dan budaya akan membawa kepada kesan komunikasi yang hebat.

Daging Mengkomunikasikan Kesakitan

Menurut perspektif orang Melayu, makanan panas dikategorikan kepada makanan yang mengandungi lemak, sama ada lemak binatang, lemak sayur-sayuran, tonik, rempah, protein binatang, masin, pedas dan pahit. Dengan demikian, lengkuas, ketumbar, cili, ikan kering, garam, dan peria juga dikategorikan sebagai makanan panas. Walaupun terdapat kategori makanan panas, dalam konteks pengkategorian ini, 'panas' bukanlah bermaksud makanan itu benar-benar panas (misalnya, api) dan bukan juga berkaitan nilai kalorinya. Takrifan panas yang diberikan adalah mengenai makanan yang menimbulkan kesan dalam badan kita yang menggalakkan metabolisme, iaitu proses apabila makanan dibina menjadi jirim hidup atau jirim hidup dihuraikan menjadi bahan-bahan mudah. Konsep panas dalam makanan ini tidak mempunyai hubungan langsung dengan suhu dan rasa, serta tidak dipengaruhi oleh cuaca panas dan sejuk. Kepercayaan terhadap pengkategorian makanan ini bergantung kepada kuatnya kepercayaan yang diturunkan secara warisan dan pengalaman yang dimiliki (Suharjdo, 1996). Berdasarkan data kajian, sebanyak 38.0% atau kira-kira 187 makanan yang ditemui dalam peribahasa Melayu dikategorikan sebagai makanan yang berunsur panas. Antara makanan berunsur panas yang ditemui sebagai objek dalam peribahasa ialah buah durian, cili, peria, gula, garam, cekur dan madu.

Pada masa dahulu, kebiasaannya, daging dimakan pada waktu atau musim-musim tertentu, seperti dalam perayaan, majlis perkahwinan atau dalam upacara keagamaan, seperti kenduri-kendara. Walau bagaimanapun, perubahan corak pemakanan yang berlaku, menyebabkan tiada batasan waktu dalam memakan daging. Lauk-pauk yang berasaskan daging boleh dihidangkan dan dinikmati pada bila-bila masa tanpa mengkhususkan pada upacara-upacara tertentu. Daripada data yang dikumpulkan, didapati sebanyak 26 (5.2%) peribahasa mengandungi daging sebagai objek, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Peribahasa berobjekkan 'daging'

Peribahasa	Makna
Anak harimau diajar makan daging.	Orang yang zalim diberi perangsang untuk membuat aniaya.
Seperti duri di dalam daging.	Sesuatu yang menyakitkan hati dan selalu teringat maka terasa dalam hati.
Seperti anjing lapar mendapat tulang, daging segumpal dan sekeping apam.	Orang yang melakukan kebajikan hanya kerana mengharapkan keuntungan sahaja.

Berdasarkan contoh peribahasa dalam Jadual 3, ketiga-tiga peribahasa mengetengahkan ciri-ciri negatif dan membawa elemen 'panas' dalam teras maknanya. Pengaruh 'panas' dalam makanan ini dijelmakan dalam peribahasa Melayu sebagai perilaku dan sifat yang negatif. Peribahasa 'anak harimau diajar makan daging' dan 'seperti anjing lapar mendapat tulang', 'daging segumpal dan sekeping apam' menunjukkan ciri-ciri 'panas' melalui perilaku 'zalim' dan 'berpura-pura', manakala peribahasa 'seperti duri di dalam daging pula menunjukkan ciri-ciri 'panas' melalui 'kesakitan akibat sesuatu perbuatan. Sifat zalim, berpura-pura dan sakit yang terdapat dalam ketiga-tiga peribahasa menunjukkan refleksi 'kesakitan' dalam domain maknanya.

Bagi tujuan penganalisan, data hanya akan ditumpukan kepada satu sampel peribahasa, iaitu peribahasa 'anak harimau diajar makan daging'. Terdapat beberapa proses kognitif yang memotivasikan sesuatu elemen dalam peribahasa ini. Pertama, adalah berdasarkan penggunaan leksikal 'anak harimau' itu sendiri. Harimau (*Panthera tigris*) merupakan spesies binatang terbesar dalam kalangan empat kucing besar dari genus *Panthera* dan famili *Felidae* (Macdonald & Norris, 2001). Harimau juga merupakan sejenis haiwan pemangsa dan dikategorikan dalam kumpulan karnivor (pemakan daging). Dalam konteks ayat tersebut, leksikal 'diajar' menggagaskan makna rangsangan. Selain leksikal 'anak harimau' dan 'diajar', penilaian boleh dilakukan terhadap objek daging itu sendiri. Daging merupakan makanan daripada sumber protein yang diperolehi daripada tisu haiwan. Dalam hal ini, anak harimau itu memberikan bayangan makna orang yang zalim, manakala leksikal diajar pula digagaskan sebagai rangsangan. Frasa makan daging dalam peribahasa ini pula telah digambarkan sebagai membuat aniaya. Jika diteliti, walaupun peribahasa ini ditujukan kepada anak harimau, namun begitu, sifat dan ciri-ciri semula jadi haiwan ini masih sama. Sifat dan pemakanan dipelajari secara turun-temurun. Sebagai contoh, anak orang Melayu yang masih kecil, tetap memakan nasi, disebabkan makanan ini ialah makanan ruji mereka. Begitu juga halnya dengan anak harimau, yang kategori dan spesiesnya tetap sama, iaitu pemangsa dan pemakan daging. Perilaku mengajar anak harimau memakan daging, diibaratkan sebagai mendidik melakukan sesuatu yang sudah menjadi tabiat dan kebiasaan. Oleh yang demikian, mengajar anak harimau memakan daging, telah digambarkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu sebagai orang yang zalim diberi perangsang untuk membuat kezaliman dan penganiayaan berterusan'. Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal 'daging' yang diperolehi daripada data korpus yang berkaitan dengan unsur negatif ini.

- (i) 42886#0 Sikap mengambil kesempatan dan tamak yang menjadi duri dalam ***daging*** sehingga menjejaskan imej Langkawi.
- (ii) 1620#0 Sifat nifak adalah seumpama duri dalam ***daging*** atau musuh dalam selimut yang berbahaya kepada kestabilan dan kesejahteraan sesebuah masyarakat dan negara yang berdaulat.

Data korpus (i) dan (ii) merupakan contoh pengaruh daging bagi komunikasi secara implisit. Daging yang digunakan dalam kedua-dua ayat dalam data korpus tersebut memperlihatkan penerapan ciri-ciri 'panas' bagi menunjukkan perilaku negatif. Berdasarkan contoh (i), leksikal sikap mengambil kesempatan dan tamak dapat dirujuk silangkan dengan peribahasa 'duri dalam daging'. Apabila diamati, peribahasa 'duri dalam daging' tidak

mempunyai anteseden yang membolehkan peribahasa tersebut difahami. Namun, dengan memahami konteks ayat, peribahasa tersebut dapat difahami dan dijelaskan dengan meneliti premis tambahan. Premis tambahan akan membantu mengaitkan konteks dengan maksud peribahasa. Berdasarkan konteks dalam ayat (i), 'duri dalam daging' adalah berkaitan dengan sikap 'mengambil kesempatan' dan 'tamak'. Hal ini merujuk kepada sifat negatif, yang lazimnya berlaku dalam sesebuah organisasi serta berlaku secara dalaman dan tidak nyata. Ibarat 'duri' yang terlalu kecil menembusi 'daging', begitulah gambaran keadaannya. Walaupun duri itu kecil, namun ciri-ciri tajam yang dikandungnya mampu menyakiti dan memudaratkan.

Peribahasa 'duri dalam daging' tidak mempunyai anteseden yang membolehkannya difahami. Walau bagaimanapun, peribahasa ini dapat difahami melalui kehadiran premis tambahan yang mendahului dan mengikutinya. Berdasarkan RRS yang dilakukan, wujud beberapa premis tambahan yang membolehkan seseorang itu memproses maklumat melaluinya. Frasa seperti 'sifat nifak', 'musuh dalam selimut' dan 'berbahaya' merupakan maklumat tambahan yang membantu pendengar menginterpretasikan peribahasa ini. Berdasarkan pengetahuan yang ada, nifak merupakan sifat munafik yang bererti 'menampakkan sesuatu yang bertentangan' atau dengan kata lain, merujuk kepada orang yang menampakkan kebaikan, namun pada masa yang sama menyembunyikan kejahatan (Yasir Syalabi, 2003). Selain sifat nifak, leksikal berbahaya turut dirujusilangkan dengan peribahasa ini. Perkataan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa peribahasa ini merupakan sesuatu pekerjaan yang mendatangkan bahaya dan tidak seharusnya dilakukan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Selain itu, ungkapan 'musuh dalam selimut' yang dirujusilangkan turut membawa maksud musuh yang sangat dekat dan ada dalam lingkungan sendiri (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Walaupun usaha memproses makna tersirat daripada peribahasa ini memerlukan dua lapisan maklumat, iaitu tersurat dan tersirat, namun peribahasa ini masih boleh difahami dengan adanya premis tambahan.

Berdasarkan contoh ayat (i), tidak banyak usaha memproses diperlukan untuk memberikan kesan kognitif kepada pendengar kerana penutur memberikan makna peribahasa secara langsung berdasarkan sifat-sifat yang dirujuk. Situasi ini berbeza dengan contoh ayat (ii) yang memerlukan usaha memproses yang lebih tinggi disebabkan rujukan yang menjadi maklumat tambahan memerlukan pengetahuan untuk memahaminya. Walaupun usaha memproses tinggi, namun berbaloi kerana RRS yang digunakan dapat membantu pendengar mentafsir dan memahami ujaran yang ingin disampaikan dengan baik. Adanya persamaan konteks antara penutur dan pendengar, kesan kognitif yang tinggi dengan penggunaan leksikal yang mudah telah membolehkan komunikasi berjalan lancar. Jika konteks antara penutur dan pendengar tidak selari, maka akan wujud keterganderaan komunikasi (Sperber & Wilson, 1999). Hakikatnya, berdasarkan pemetaan RRS yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa peribahasa yang berobjekkan 'daging' telah dikonsepsikan sebagai 'sifat negatif' dan seterusnya memperlihatkan keserasian dengan ciri-ciri 'panas' yang menjadi elemen asas 'daging'. Berdasarkan peribahasa tersebut, satu persoalan boleh dibangkitkan, iaitu bagaimanakah ciri-ciri 'panas' yang terkandung dalam 'daging' mampu mempengaruhi elemen pemaknaan dalam peribahasa yang berobjekkan daging? Dalam menjawab persoalan tersebut, gagasan semantik inkuisitif telah digunakan bagi menghuraikan fenomena yang berlaku.

Daging merupakan sumber protein yang dihidangkan setelah dimasak. Daging turut dikenali sebagai protein lengkap kerana mengandungi sembilan jenis asid amino yang diperlukan dalam tubuh badan seperti *histidina*, *isoluesina*, *leusina*, *lisina*, *valina*, *metionina*,

fenilalanina, treonina dan triptofan (Ferguson, 2010). Kesemua jenis asid amino ini tidak berupaya dihasilkan oleh badan, melainkan mendapatkannya daripada makanan dan diet seharian. Jadual 4 merupakan nutrisi dalam daging mengikut jenis haiwan.

Jadual 4: Perbandingan nutrisi daging mengikut jenis haiwan

Haiwan	Kalori	Lemak (g)	Lemak tepu (g)	Protein (g)	Kolesterol (mg)
Kambing	122	2.8	0.79	23	63.8
Ayam (tanpa kulit)	162	6.3	1.7	25	76.0
Lembu	179	7.9	3.0	25	73.1
Kambing biri-biri	175	8.1	2.9	24	78.2
Babi	180	8.2	2.9	25	73.2

Sumber: Pangkalan Data Nutrien USDA

Lee et al. (2008) menyifatkan wujudnya kesignifikan antara perkaitan pengambilan jumlah lemak, lemak tepu, lemak mono tak tepu, lemak poli tak tepu, kolesterol, jumlah protein, dan protein haiwan dengan penyakit barah. Antara komponen yang terkandung dalam daging ialah asid lemak. Terdapat empat kumpulan asid lemak, iaitu asid lemak tepu (SFA), asid lemak mono tak tepu (MUFA), asid lemak poli tak tepu (PUFA) dan asid lemak bercabang (BCFA). Walau bagaimanapun, memakan makanan yang melebihi paras SFA akan memberikan risiko terhadap tahap kesihatan kerana asid lemak ini mampu mendorong peningkatan kolesterol LDL (*low density lipoprotein*), manakala MUFA dan PUFA pula membantu dalam penurunan kolesterol LDL. Terdapat laporan yang mengatakan pengambilan daging merah (*red meat*) melebihi 10 auns setiap hari meningkatkan risiko barah dan sakit jantung (Danial, 2014).

Penyakit barah, diabetes jenis kedua dan kardiovaskular merupakan risiko penyakit yang dihadapi oleh seseorang yang kerap memakan daging merah (Norsuhana, 2010). Barah kolorektum, pankreas dan payudara juga adalah antara penyakit yang dikaitkan dengan pengambilan daging merah. Laporan yang dikeluarkan oleh saintis barat, Ferguson (2010) menunjukkan risiko mendapat barah kolorektal meningkat kira-kira 12-17% melalui pengambilan 100 gram daging merah. Kadar lemak yang tinggi ini juga boleh menjadi pendorong kepada barah lain, seperti barah kolon dan barah prostat (Wynder, 1977).

Sepintas, terlihat bahawa tiada kaitan antara maklumat sains dengan peribahasa Melayu. Namun, apabila diamati dengan teliti didapati bahawa orang Melayu sebenarnya telah menyedari tentang kesan negatif terhadap pengambilan daging yang berlebihan. Namun, bagi tujuan mendidik, mereka mengkomunikasikan pengetahuan tersebut melalui peribahasa. Kekreatifan masyarakat Melayu mengolah kejadian yang berlaku hasil daripada pengalaman dan pemerhatian, menyebabkan peribahasa berobjekkan 'daging' tercipta. Inilah ciri kebijaksanaan orang Melayu dalam mengkomunikasikan sesuatu yang penting, seperti bahayanya pengambilan daging berlebihan. Orang Melayu telah menganalogikan bahaya daging dengan ciri zalim, diskriminasi dan menindas melalui peribahasa. Sifat dan ciri 'panas' daging telah diolah dalam bentuk komunikasi implisit. Falsafah di sebalik penciptaan peribahasa berobjekkan 'daging' adalah bertujuan menekankan sifat berhati-hati. Sifat nifak, musuh dalam selimut, mengambil kesempatan dan tamak yang dicerminkan melalui data korpus menunjukkan peribahasa ini cuba untuk memberikan gambaran dan sindiran terhadap tabiat dan sifat negatif yang ada pada sesetengah individu. Ibarat duri dalam daging, begitulah keadaan yang digambarkan, iaitu kejahatan yang dilakukan tidak

ditunjukkan secara nyata, sebaliknya yang dirasa hanyalah 'kesakitan' yang diakibatkan oleh tusukan duri yang tajam. Begitu juga konsepnya terhadap makanan yang berunsur 'panas' ini. Sekali lagi, keupayaan penulis/pembaca mencungkil komunikasi tersirat ini penting bagi membantu memahami masyarakat. Meskipun peribahasa dianggap ungkapan tradisional tetapi kemampuan seseorang memahami maksud yang hendak disampaikan boleh menajamkan mindanya. Ia adalah ungkapan metafora yang memerlukan kognitif aras tinggi bagi memahaminya. Sekali lagi hal ini dapat dikaitkan dengan dunia kewartawanan dan pengacaraan yang banyak melibatkan bahasa. Kemampuan seseorang memahami selok-belok berbahasa, mencungkil makna tersirat akan memberi kelebihan kepada sesiapa sahaja untuk menjadikan komunikasi mereka lebih berkesan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa kewujudan peribahasa Melayu bukan sahaja bersifat abstrak dengan makna tersirat tetapi mengandungi falsafah dan akal budi yang dijadikan amalan dalam masyarakat Melayu. Aspek pemaknaan dalam peribahasa turut ditonjolkan oleh elemen makanan yang menjadi objeknya. Pemaknaan, elemen dan ciri dalam sesuatu objek makanan telah diadaptasikan dalam bentuk komunikasi implisit. Refleksi 'kebahagiaan' dan 'kesakitan' yang dianalogikan dengan objek pemaknaan dalam peribahasa dapat dicungkil dengan baik melalui pendekatan semantik inkuisitif. Bahasa bukan sekadar pengucapan tetapi alat untuk berkomunikasi sesama manusia. Kemampuan mencerpah bahasa terutama oleh mereka dalam dunia kewartawanan dan pengacaraan menjadi aset yang berguna. Olan bahasa menggunakan komunikasi secara implisit boleh mengurangkan konflik demi hubungan yang harmoni di antara penutur dan pendengar. Itulah yang diamalkan sejak turun temurun dalam komunikasi masyarakat Melayu. Komunikasi secara implisit ini telah terbukti keberkesanannya sehingga ke hari ini.

PENGHARGAAN

Penulisan ini adalah sebahagian daripada hasil geran penyelidikan Projek Akal Budi Melayu Menerusi Elemen Sains Dalam Bahasa Kiasan, TD-2014-006.

BIODATA

Julaina Nopiah ialah pelajar pascasarjana yang sedang mengikuti pengajian pada peringkat PhD di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah berkaitan dengan rangkaian pemakanan orang Melayu berdasarkan peribahasa Melayu. E-mel: julainanopiah@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) ialah Profesor di Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik. Penyelidikan beliau tertumpu kepada nahu dan korpus, pemikiran Melayu dan leksikografi. Beliau banyak menerbitkan buku dan artikel yang berkaitan dengan semantik dan pragmatik. E-mel: shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan (PhD) ialah Felo Penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Bahasa dan Linguistik Melayu, Terminologi dan Leksikologi. E-mel: Junaini@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Samad Idris. (1989). *Dengan 300 pepatah*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Abdullah Hassan. (1993). Bahasa kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(10), 907-913.
- Abdullah Hussain. (2003). *Kamus simpulan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid. (2005). Memahami Melayu melalui bahasa kiasan: Satu persoalan. *Prosiding Seminar Islam Hadhari: Kefahaman Mengenai Keutuhan Budaya*, hlm. 1-20.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). Hubungan faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik dalam perkembangan Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa Jun 1966*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*. Diperoleh dari penerbit.upsi.edu.my/website_ejurnal/jurnal%20site/./bab1.html
- Charteris-Black, J. (2000). Figuration, lexis and cultural resonance: A corpus based study of Malay. *Journal of Pragmatic*, 10(3), 281-300.
- Che Wan Jasimah. (2000). *Konsep kesihatan melalui pemakanan pendekatan Islam dan sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Csoban, K., & Konyves, H. E. (2015). *Gastronomy and culture*. Hungary: University of Debrecen.
- Danial Zainal Abidin. (2014). *Quran saintifik meneroka kecemerlangan Quran daripada teropong sains*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Faszly Rahim, Wan Nasrudin Wan Abdullah, & Aminah Abdullah. (2017). *Indahnya pemakanan & perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ferguson, L. R. (2010). Meat and cancer. *Meat Science*, 84, 308-313.
- Goddard, C. 2009. Like a crab teaching its young to walk straight. In Senft, G. & Basso, E. B. (Eds.), *Ritual Communication* (pp. 103-119). London: Bloomsbury Publishers.
- Hasmidar Hassan, & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 94-119.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana pemikir Melayu mencipta makna dan membentuk epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hishamudin Isam, Faizah Ahmad, & Mashetoh Abd Mutalib. (2014). Wajaran penggunaan data korpus dalam penulisan ilmiah: Dimensi Baharu sukatan pelajaran Bahasa Melayu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2): 67-77.
- Indirawati Zahid. (1997). *Kebersihan ikon dan penggunaan simbol dala peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Junaini Kasdan, & Julaina Nopiah. (2017). Sirih sebagai unsur gastronomi dan refleksi akal budi Melayu: Kajian teks. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya (ASBAM) 2017*, hlmn. 208 -231.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. (1975). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Diperoleh dari sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/

- Lee, J. E., Spiegelman, D., Hunter, D. J., Albanes, D., Bernstein, L., van den Brandt, P. A., ... Smith-Warner, S. A. (2008). Fat, protein, and meat consumption and renal cell cancer risk: A pooled analysis of 13 prospective studies. *Journal of the National Cancer Institute*, 100(23), 1695–1706.
- Lim Kim Hui. (2002). *Budi as the Malay mind: A philosophical study of Malay ways of reasoning and emotion in peribahasa* (Disertasi PhD, Department of Austronesian Studies, Faculty of Oriental Studies, University of Hamburg, Germany). Retrieved from <http://www.sabrizain.org/malaya/library/budi.pdf>
- Macdonald, D. W., & Norris, S. (2001). *The encyclopedia of Mammals*. New York: Facts on File.
- Malay Concordance Project. (n.d.). Retrieved from mcp.anu.edu.au
- Mana Sikana. (1988). *Khazanah Islam: Falsafah dan kesusasteraan*. Bangi: Karyawan.
- Mindell, E. (1994). *Food as medicine*. New York: Pocket Books.
- Mohamad Radzi Salleh. (1999). *Peribahasa dalam masyarakat Melayu satu analisis pemikiran dan cerminan falsafah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Muhd Norizam, & Shaiful Bahri. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 183-194.
- Nathesan, S. (1998). Simpulan bahasa: Satu tinjauan dari sudut makna. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(11), 985-994.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Semantik dan pragmatik dalam penterjemahan. *Dewan Bahasa*, November, 984-990.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norsuhana Abdul Hamid. (2010). Risiko pengambilan daging merah. *Dewan Masyarakat*, Disember, 20-21.
- Norsuraya Desa. (2008). *1001 misteri alam: Menyingkap rahsia khasiat sumber alam*. Shah Alam: Buku Prima.
- Nur Afiqah Wan Mansor, & Nor Hashimah Jaladuddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 189-206.
- Rogayah Othman. (2011). *Peluasan makna pancaindera hidung, mata dan mulut dalam Melayu: Kajian semantik kognitif* (Doctorate's thesis, Program Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal “bunga” dalam simpulan bahasa dan peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Santich, B. (2004). The study of gastronomy and its relevance to hospitality education and training. *International Journal of Hospitality Management*, 23(1), 15–24. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0278431903000690>
- Scharffenberg, J. A. (1977). *A Problem with meat*. California: Press Publication.
- Syeikh Hakim Moinuddin Chishti. (1996). *Kitab ilmu perubatan kesufian: Kitab al-Tibb al-Rauhi as-Sufi*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and Cognition* (2nd ed.). Oxford: Blackwell.
- Suharjdo. (1996). *Berbagai cara pendidikan Gizi*. Jakarta: Bumi Aksara.

- Tenas Affendy. (2012). *Ungkapan Melayu: Pemahaman dan masalahnya*. Singapura: Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura. Diperolehi dari www.malaycivilization.ukm.com
- Wynder, E. (1977). The dietary environment and cancer. *Journal of American Dietetic Association*, 71, 385-392.
- Yasir Syalabi. (2003). *25 sebab kesulitan hidup*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Zabedah Mahmood. (2016). *Pisang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.